

23/10/1997

Tuduhan Lim terhadap Mahathir dianggap melampau

BINTULU, Rabu - Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, hari ini mengecam Timbalan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng, berhubung kenyataannya memburukkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika berkempen dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kidurong, beberapa hari lalu.

Beliau menyifatkan kenyataan yang dilontarkan anak ketua pembangkang, Lim Kit Siang itu sebagai keterlaluan dan sekaligus menyifatkan tindakannya itu sebagai kurang ajar.

Sepatutnya beliau (Lim) menyokong tindakan Perdana Menteri bagi menstabilkan kembali nilai ekonomi negara khususnya membabitkan nilai matawang.

"Ini tidak. Sebaliknya, beliau pula menuduh Perdana Menteri sebagai punca kemerosotan ekonomi negara hanya kerana kelantangan Dr Mahathir di peringkat antarabangsa.

"Kalau nak marah...marahlah pada mereka yang menyebabkan ekonomi negara kacau bilau. Bagi saya, tindakan Lim itu adalah satu perbuatan kurang ajar," katanya pada majlis Anugerah Kualiti Koperasi peringkat negeri di Dewan Suarah, petang ini.

Sebanyak enam koperasi yang cemerlang di negeri ini menerima anugerah kualiti daripada Ketua Menteri. Selain itu, tiga orang terpilih menerima anugerah tokoh koperasi bagi tahun ini.

Mereka ialah Timbalan Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Peter Tinggom anak Kamarau yang juga Pengasas Koperasi Engkudu Baru Berhad; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Aziz Hussien dan Yeo Soong Ang.

Hadir sama ialah isteri Ketua Menteri, Puan Sri Laila Taib; Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr Goh Cheng Teik; Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi, Datuk Syed Sidi Idid Syed Abdullah dan beberapa Menteri Kabinet Negeri.

Taib turut menyelar DAP yang disifatkannya sebagai parti pembangkang yang gagal melaksanakan fungsinya dengan berkesan dan sebaliknya lebih banyak mengkritik kerajaan semata-mata ingin menarik sokongan rakyat.

Beliau berharap rakyat akan terus memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN) bagi memastikan segala usaha untuk memajukan negeri ini akan dapat terlaksana dengan jayanya.

"Perjuangan BN tidak hanya tertumpu kepada satu bidang, malah membabitkan pelbagai aspek yang tentunya mengutamakan kepentingan rakyat.

"Oleh itu, kita mahu rakyat terus memberi sokongan kepada perjuangan kerajaan untuk mengukuhkan usaha kepada pengekalan budaya pembangunan yang diterapkan sejak dulu lagi," katanya.

Katanya, kealpaan rakyat menyebabkan usaha murni kerajaan menjadikan negeri ini maju dalam pelbagai aspek runtuh dalam sekelip mata sekali gus membolehkan pihak luar mengambil kesempatan daripadanya.

(END)